



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020 “MEMBINA KESEJAHTERAAN OKU: MENDEPANI PERUBAHAN”

PUTRAJAYA 25 NOVEMBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Majlis Anugerah Hari Orang Kurang Upaya Tahun 2020 bersempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan yang akan disambut pada 3 Disember akan datang. Pada tahun ini tema **MEMBINA KESEJAHTERAAN OKU: MENDEPANI PERUBAHAN** diangkat sebagai tema Hari Orang Kurang Upaya. Tema ini membawa maksud bahawa masyarakat dalam semua peringkat perlu bersama-sama memastikan bahawa negara aksesibel kepada semua pihak termasuk OKU terutamanya ketika berhadapan pandemik Covid-19.

Sehingga 31 Oktober 2020, jumlah OKU yang berdaftar adalah seramai 581,265 di seluruh negara. Seramai 1,397 OKU telah mendapat pekerjaan melalui *Job Coach*. Berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Awam Disember 2019, sejumlah 4,202 OKU sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Manakala sehingga Jun 2020 berdasarkan data Kementerian Sumber Manusia seramai 15,326 OKU berkerja di sektor swasta.

Dalam majlis anugerah ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyampaikan Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU dan Anugerah Majikan Prihatin (Swasta) di kementeriannya pada hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Orang

Kurang Upaya Tahun 2020. Anugerah ini merupakan simbol penghargaan dan pengiktirafan tertinggi Kerajaan kepada pihak-pihak tertentu yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan OKU di Malaysia. Pn Suhaila binti Abdul Manap (Ibu) dan Encik Zulkifly bin Samsudin (Bapa) telah terpilih menerima Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU, berupa wang tunai berjumlah RM5,000.00, Plak dan sijil penghargaan. Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU ini diwujudkan bagi memberi penghargaan kepada Ibu Bapa yang cekal dan tabah menjaga, melindungi, dan mendidik anak OKU ke arah kesejahteraan OKU dalam masyarakat.

Manakala seramai empat (4) majikan yang terpilih menerima Anugerah Majikan Prihatin (Swasta) iaitu Mc.Donalds Malaysia (Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd), AEON CO. (M) BHD, Uniqlo (Malaysia) Sdn Bhd dan Mydin Mohamed Holdings Berhad. Anugerah ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada majikan yang memberi sokongan padu dengan menggaji OKU melalui perkhidmatan Job Coach melebihi 1% daripada jumlah keseluruhan pekerja. Disamping itu juga anugerah ini dapat menggalakkan majikan agar membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan OKU.

Adalah menjadi harapan KPWKM agar golongan OKU sentiasa diberi sokongan penuh untuk bersama-sama dalam membangunkan negara, disamping menggalakkan rakyat Malaysia turut serta menyumbang kepada kesejahteraan OKU di Malaysia. Selamat menyambut Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan Tahun 2020, dengan tema Membina Kesejahteraan OKU: Mendepani Perubahan.

###

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat